Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

13/APR/1982

# Bebas: Tiga dipecat

KUALA LUMPUR, Isnin — Tiga ahli UMNO dari Kelantan, Trengganu dan Perlis yang bertanding sebagai calon-calon bebas disingkir dari parti tersebut, demikian diumumkan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Mereka ialah Mohamed Zain Abdullah bertanding kerusi negeri Jelawat di Kelantan; Yusof Abdullah Yusof Al-Bakri bertanding di kerusi Negeri Bandar di Trengganu dan Jusof bin Man bertanding di kerusi Negeri Kurung Anai di Perlis.

Beliau menyeru semua ahli dan penyokong UMNO supaya sentiasa berusaha mengukuh dan mengeratkan perpaduan parti dan menyokong calon-calon Barisan Nasional dalam pilihanraya.